



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

15 MAC 2017

PERMULAAN FASA PERALIHAN MONSUN SEHINGGA MEI 2017

Negara mula memasuki fasa peralihan monsun yang dijangka berterusan hingga Mei 2017. Untuk sepanjang tempoh ini kawasan serantau negara kita akan menerima tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan yang lemah.

Lazimnya, kejadian hujan lebat dan ribut petir serta angin kencang lebih kerap berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan negeri-negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah, kawasan barat dan tengah Sarawak.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada terhadap impak hujan lebat, ribut petir serta angin kencang tersebut dan sentiasa mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan cuaca melalui laman web Jabatan Meteorologi Malaysia, www.met.gov.my, aplikasi mobil-myCuaca, facebook:malaysiamet, twitter:@malaysianmet atau MetMalaysia Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638).

**Jabatan Meteorologi Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**